



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 9 TAHUN 2012**

**PEMBEKUAN PERMOHONAN BARU LESEN PENGENDALI
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 26 SEPTEMBER 2012

Semua Pengendali Perkhidmatan Pengangkutan Awam Darat

Semua Pejabat S.P.A.D

PEMBEKUAN PERMOHONAN BARU LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung pembekuan permohonan baru lesen pengendali perkhidmatan pengangkutan awam darat.

LATAR BELAKANG

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) diberi kuasa untuk menyelia dan mengawal selia pengangkutan awam darat mengikut undang-undang pengangkutan awam darat yang telah diperuntukkan. Fungsi pengawalseliaan turut merangkumi proses mempertimbangkan semua permohonan lesen pengendali yang meliputi permohonan baru, membaharui dan ubahsyarat.

3. Dalam pada itu, S.P.A.D. juga sedang melaksanakan beberapa kajian bagi penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam darat. Antara yang diteliti adalah meliputi permintaan dan penawaran perkhidmatan pengangkutan awam darat bagi mengelakkan lambakan lesen dalam pasaran.

KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. S.P.A.D. memutuskan untuk membeku permohonan baru lesen pengendali bagi kelas-kelas kenderaan perkhidmatan pengangkutan awam seperti berikut:

- (a) Bas ekspres;
- (b) Bas mini (bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja);
- (c) Bas catar;
- (d) Teksi bajet;
- (e) Teksi eksekutif;
- (f) Kereta sewa; dan
- (g) Teksi lapangan terbang.

5. S.P.A.D. akan menolak mana-mana permohonan baru lesen pengendali yang diterima sekiranya termasuk di bawah kategori kelas-kelas lesen yang dibekukan seperti di perenggan 4 di atas.

TARIKH KUATKUASA

6. Arahan pekeliling pembekuan permohonan baru lesen pengendali perkhidmatan pengangkutan awam darat ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(AZHAR BIN AHMAD)

**Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat**

26 SEPTEMBER 2012

Salinan kepada:

Ketua Bahagian Pengangkutan Awam Jalan

Ketua Bahagian Operasi Negeri

Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Latihan

Semua Ketua Wilayah

